



## *PM tiba di Berlin untuk lawatan rasmi ke Jerman*

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tiba di ibu negara Jerman, Berlin semalam untuk lawatan rasmi ke negara yang menjadi rakan perdagangan terbesar Malaysia dalam kalangan anggota Kesatuan Eropah (EU). Pesawat yang membawa beliau selamat mendarat di Lapangan Terbang Brandenburg pada jam 10.29 malam Ahad waktu tempatan (5.29 pagi Isnin waktu Malaysia). Menyambut ketibaan Perdana Menteri di lapangan terbang ialah Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Duta Besar Malaysia ke Jerman, Datin Paduka Dr Adina Kamarudin dan pegawai kerajaan Jerman.

(Foto BERNAMA)